

FAKTOR SOSIAL YANG MEMPENGARUHI KEPUTUSAN PELAJAR ANTARABANGSA DALAM PEMILIHAN DESTINASI PENGAJIAN: KAJIAN KES DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

Dr. Irma Wani Othman¹, Herlina Jupiter², Prof. Dr. Abu Bakar Abdul Hamid³,
Dr. Muhammad Safuanyusoff⁴ dan Hasbullah Awang⁵

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: irma@ums.edu.my

³ Putra Business School, Universiti Putra Malaysia, E-mail: abu.bakar@putrabs.edu.my

^{2, 4&5} Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: herina@ums.edu.my

Accepted date: 18 January 2018

Published date: 14 April 2018

To cite this document:

Irma Wani, O., Herlina, J., Abu Bakar, A. H., Muhammad Safuan, Y., & Hasbullah, A. (2018). Faktor Sosial Yang Mempengaruhi Keputusan Pelajar Antarabangsa Dalam Pemilihan Destinasi Pengajian: Kajian Kes Di Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 3(8), 87-97.

Abstrak: Pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa ke luar negara telah dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalam pelbagai aspek antaranya termasuklah sosial, ekonomi, politik, tren dan sebagainya. Kajian ini memberi penumpuan terhadap faktor-faktor dalam aspek sosial yang dapat mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa untuk belajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan memilih destinasi pengajian yang tepat dan bersesuaian bagi mereka. Objektif yang ingin dicapai menerusi kajian ini ialah mengenalpasti faktor-faktor sosial yang mempengaruhi keputusan pemilihan UMS sebagai destinasi pengajian pelajar antarabangsa. Perbincangan isu-isu dalam kertas kerja ini diperoleh dari hasil temu bual mendalam 20 orang responden kajian yang secara sukarela turut terlibat dalam perbincangan fokus berkumpulan. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada peningkatan pemahaman tentang faktor sosial yang juga merupakan faktor dominan yang berpengaruh dalam pemilihan destinasi pengajian pelajar antarabangsa. Pengetahuan ini juga menjadi kunci dalam usaha memformulasikan komunikasi efektif dan strategi rekrutmen pelajar antarabangsa bukan sahaja di UMS tetapi di Institusi Pengajian Tinggi secara amnya.

Kata Kunci: Pelajar Antarabangsa, Faktor Sosial, Pemilihan Destinasi Pengajian

SOCIAL FACTORS INFLUENCING INTERNATIONAL STUDENT'S DECISION IN CHOOSING STUDY DESTINATION: CASE STUDY IN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

***Abstract:** The choice of study destination for international students abroad has been influenced by multiple factors in various aspects including the social, economic, political, trends and many more. This study focuses on factors in the social aspects that can influence the decision of international students in choosing UMS as the right education destination for them to study abroad. The objective to be achieved through this research is to identify social factors that influence the students' decision to choose UMS as their study destination. The discussion of this paperwork is based on the interviews done with 20 volunteered respondents who are also involved in focal group discussions. Overall, this study aims to contribute in increasing the understanding of the social factors which is also a dominant factor that influence the choice of study destination for international students. This knowledge can become a key to formulate an effective communication strategy as well as the recruitment of international students not only in UMS but at higher education institutions in general.*

***Keywords:** International Students, Social Factor, Study Destination Choice*

Pengenalan

Pada masa kini, para pakar mendapati bahawa pembelajaran di luar negara merupakan salah satu intipati penting untuk sesebuah negara berjaya. Mahasiswa dan mahasiswi di IPT turut digesah untuk meningkatkan nilai kebolehpasaran dan kemahiran budaya global agar mampu bersaing secara kompetitif di peringkat antarabangsa. Pembelajaran di luar negara memberikan peluang kepada mereka untuk mengenali diri, membina keyakinan, mengenali individu baharu dan memahami budaya di tempat lain yang pastinya memberi impak positif kepada pelajar itu sendiri. Selain itu, pembelajaran di luar negara memberi peluang kepada pelajar untuk keluar daripada rutin akademik tempatan serta memberi 'pengalaman antarabangsa' yang mempunyai pemberat dalam resume seseorang pelajar.

Persaingan yang berlaku pada dasarnya bukan hanya dalam kalangan pelajar-pelajar di IPT tetapi juga di antara institusi pengajian tinggi serata dunia bagi membangunkan imej sebagai universiti bertaraf dunia dan seterusnya meningkatkan jumlah aliran kemasukan pelajar antarabangsa. Seajar dengan itu, pelbagai usaha untuk mempergiatkan aktiviti pengantarabangsaan telah dilaksanakan dengan memberi fokus kepada peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa yang menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan dan secara tidak langsung telah mendorong kepada peningkatan taraf ekonomi dan sosio-budaya di Malaysia. Persaingan dalam sektor pendidikan tinggi dunia pula dilihat semakin mencabar bila mana negara dan institusi pengajian tinggi perlu mempunyai strategi yang baik dan mampu menarik kedatangan pelajar antarabangsa ke negara ini.

Dalam konteks ini, perkara-perkara yang penting menjadi keutamaan adalah dari segi akses kepada pengajian tinggi, kurikulum dan ko-kurikulum, tadbir urus IPT yang bersifat

antarabangsa, kualiti pengajian tinggi yang berkait rapat dengan kepimpinan IPT, kekuatan tenaga pengajar, penyelidikan dan inovasi. Justeru, pemimpin dan pentadbir universiti selaku pemarkar pendidikan tinggi perlu merangka strategi pengantarabangsaan dan promosi yang merangkumi aspek-aspek tersebut dan dihubungkan dengan pemahaman terhadap alasan di sebalik keputusan seorang pelajar dalam memilih destinasi pengajian di luar negara, faktor yang mempengaruhi keputusan tersebut, sumber informasi yang boleh diperolehi dan pelbagai faktor yang dipertimbangkan oleh pelajar ketika mengambil keputusan untuk belajar di luar negara.

Pemahaman terhadap faktor-faktor kedatangan pelajar antarabangsa ke Malaysia adalah penting bagi membolehkan UMS membangunkan strategi pengantarabangsaannya dengan berkesan berdasarkan konsep permintaan dan bekalan. Kertas kerja ini adalah bermatlamat untuk meneroka faktor kedatangan pelajar antarabangsa ke Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dilihat dari sudut aspek sosial bersandarkan kepada objektif kajian iaitu mengenalpasti faktor-faktor sosial yang mempengaruhi keputusan pemilihan UMS sebagai destinasi pengajian pelajar antarabangsa.

Pernyataan Masalah

Pelbagai usaha untuk mempergiatkan aktiviti pengantarabangsaan telah dilaksanakan dengan memberi fokus kepada peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa yang menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan dan secara tidak langsung telah mendorong kepada peningkatan taraf ekonomi dan sosio-budaya di Malaysia. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PT) 2015-2025 di bawah Lonjakan 5, iaitu kemapanan kewangan, kerajaan Malaysia turut menekankan peranan setiap IPT untuk menggandakan usaha demi menjaga sumber pendapatan tambahan (Peruntukan Bajet UA, 2017). Manakala, menerusi Laporan Prestasi Transformasi 2016, menyatakan bahawa Malaysia telah menjadi hab pendidikan antarabangsa dengan 172,886 pelajar antarabangsa, daripada peringkat sekolah antarabangsa sehinggalah peringkat tertiar, yang direkodkan pada tahun 2016. Seterusnya, UNESCO menarafkan Malaysia sebagai destinasi ke-9 yang lebih disukai bagi pendidikan tinggi dalam kalangan pelajar antarabangsa melalui Kajian Mobiliti Pelajar Antarabangsa. Ini menandakan peningkatan daripada kedudukan ke-12 pada tahun 2014. Hal ini merupakan suatu pengukur positif yang menunjukkan bahawa Malaysia berupaya tampil unggul di mata dunia dan menjadi tumpuan pendidikan yang digemari oleh pelajar antarabangsa khususnya dari negara Asia dan Asia Barat (Berita RTM, 2016). Jadual 1 menunjukkan maklumat jumlah pelajar antarabangsa yang mendaftar di IPTA Malaysia pada tahun 2009 sehingga tahun 2016.

Jadual 1.1 Pendaftaran Pelajar Antarabangsa di IPTA Malaysia (2009-2016)

Tahun	Jumlah
2009	22,456
2010	24,214
2011	25,855
2012	26,232
2013	28,826
2014	27,042
2015	26,405
2016	25,824
Jumlah	206,854

Sumber: <https://www.mohe.gov.my/ms/muat-turun/awam/statistik/>

[Diakses pada - 3 Mac 2018]

Statistik menunjukkan bahawa terdapat peningkatan jumlah pelajar antarabangsa secara konsisten di Malaysia pada tahun 2009 sehingga tahun 2013. Tetapi penurunan telah berlaku bermula pada tahun 2013 iaitu daripada seramai 28,826 pelajar kepada 25,824 pelajar pada tahun 2016. Hal ini telah menyebabkan pengkaji berfikir bahawa perubahan jumlah pelajar antarabangsa yang dinyatakan ini memberi indikasi terhadap peralihan minat pelajar antarabangsa dalam memilih UMS serta Malaysia sebagai negara destinasi pengajian mereka. Perkara ini pastilah dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan salah satu faktor tersebut adalah faktor sosial yang akan dibincangkan menerusi kajian ini.

Kepentingan Kajian

Kajian ini menerapkan pemahaman terhadap faktor sosial telah mempengaruhi pemilihan Malaysia dan UMS sebagai insititusi pengajian tinggi pelajar antarabangsa. Pemahaman terhadap faktor-faktor yang dibincangkan membolehkan pentadbir universiti dan sektor pendidikan merangka pelan strategik bagi memperkasakan pengantarabangsaan pengajian tinggi, menggalakkan kemasukan pelajar antarabangsa sekaligus meningkatkan status universiti bertaraf dunia.

Skop Kajian

Skop kajian dalam kertas kerja ini adalah memfokuskan kepada pelajar-pelajar antarabangsa yang menuntut di Universiti Malaysia Sabah, Malaysia serta faktor-faktor berkaitan sosial di Malaysia yang berupaya mempengaruhi keputusan mereka dalam membuat keputusan untuk memilih serta melanjutkan pelajaran di negara ini. Seramai 20 responden dipilih daripada pelbagai kewarganegaraan dan ditemu bual menggunakan kaedah temu bual semi struktur.

Sorotan Literatur

Faktor sosial memainkan peranan utama dalam mempengaruhi keputusan seseorang pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran di luar negara. Menurut sarjana Tran (2015), melalui pemerhatian yang dibuat kebanyakan pelajar antarabangsa cenderung untuk memilih negara destinasi pengajian mereka yang mempunyai perkaitan sosio-ekonomi dengan negara asalnya. Kewujudan hubungan sosial di antara negara asal dengan negara destinasi dapat dilihat melalui bantuan asing, pertukaran budaya, sokongan pelajar antarabangsa menggunakan biasiswa dan sebagainya.

Di samping itu, persamaan budaya turut menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi keputusan pelajar dalam memilih universiti luar negara di mana keselesaan untuk belajar dipertimbangkan. Pelajar berasa selesa dan mudah mengikuti pembelajaran apabila mereka memahami amalan sosial di negara destinasi (Singh, Schapper dan Jack, 2014). Namun begitu, kajian terkini turut menyatakan bahawa ramai pelajar antarabangsa memilih untuk belajar di sesebuah negara luar disebabkan oleh budaya menarik negara tersebut dan amat berbeza daripada budaya mereka sendiri di negara asal. Dengan mempelajari budaya baru di negara destinasi, pelajar antarabangsa dapat memperolehi suatu pengalaman yang berharga (Eder, Smith dan Pitts 2010; Clavel 2015). Sebagai contohnya, sarjana Eder, Smith Pitts (2010) mendapati dalam kajian mereka bahawa pelajar antarabangsa memilih negara Amerika Syarikat sebagai negara destinasi pengajian mereka disebabkan oleh budaya yang menarik. Lu Wang *et al.* (2009) pula mengatakan bahawa pelajar dari negara China cenderung untuk memilih negara New Zealand sebagai destinasi pengajiannya kerana kadar rasuah yang

rendah dan tahap kejujuran serta keadilan yang tinggi. Ciri-ciri tersebut amat berbeza dengan budaya di negara asal mereka dengan tahap rasuah yang berlebihan walaupun di dalam universiti (Qian Forrest 2007; Quah 2014). Perkara inilah yang mendorong pelajar antarabangsa untuk keluar daripada negara asal mereka demi melanjutkan pelajaran.

Tambahan pula, desakan daripada keluarga yang berada di negara asal yang menganggap sistem pendidikan tinggi di luar negara lebih baik daripada pendidikan tempatan juga mempengaruhi pemilihan dan keputusan pelajar antarabangsa tersebut untuk ke luar negara. Clark (2013) dan Turauskis (2014) dalam kajiannya terhadap pelajar Vietnam mendapati bahawa peratus pelajar antarabangsa yang memilih Amerika Syarikat sebagai destinasi pengajian berbanding Australia ada lebih tinggi iaitu sebanyak 21.8 peratus pelajarnya memilih Amerika Syarikat dan 16.3 peratus memilih Australia. Alasan bagi pemilihan tersebut ialah kerana sistem pendidikan di Amerika Syarikat dianggap terbaik dan tidak setanding dengan mana-mana negara khususnya negara Vietnam. Hal yang sama turut berlaku apabila saudara mara, keluarga, rakan dan kenalan pelajar antarabangsa itu berada di negara destinasi (Mazzarol dan Soutar 2002) dan mendesak agar pelajar antarabangsa itu belajar di luar negara selain daripada negara asal mereka.

Jaringan sosial merujuk kepada pertalian pelajar dengan keluarga atau rakan-rakan yang tinggal di negara destinasi atau sekiranya mereka mempunyai ahli keluarga dan rakan yang menuntut di negara tersebut. Faktor ini sebenarnya mempunyai perkaitan dengan faktor tahap rujukan kerana apabila pelajar mempunyai jaringan sosial yang luas maka bertambahlah sumber rujukan dan informasi yang diperolehi bagi membantu proses pemilihan destinasi pengajian di luar negara. Dalam mempertimbangkan kepentingan cadangan daripada keluarga dan rakan-rakan, harus diambil kira tentang cadangan daripada alumni yang merupakan sumber rujukan paling bernilai khususnya dalam pemilihan institusi pendidikan. Lee dan Morrish (2012) mengakui bahawa hubungan sosial sama ada dari keluarga, saudara mara dan rakan yang berada di negara destinasi boleh mempengaruhi keputusan pelajar untuk melanjutkan pengajian di negara tersebut. Melalui jaringan sosial yang wujud di antara negara dan institusi pengajian terlibat pula telah memberi suatu perasaan kebiasaan yang boleh menyumbang ke arah peningkatan jumlah enrolmen pelajar di negara tuan rumah (Tran, 2015).

Kerangka Teoritik

Kerangka teoritik yang digunakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada penyelidikan sarjana Mazzarol dan Soutar (2002) yang mengkaji tentang faktor-faktor penolakan dan penarikan yang mempengaruhi keputusan seseorang pelajar dalam memilih destinasi pengajian di luar negara. Berdasarkan penyelidikan Mazzarol dan Soutar (2002), faktor penolakan adalah meliputi faktor ekonomi dan sosial di negara asal yang mempunyai daya penolak yang mempengaruhi keputusan pelajar untuk keluar dari negara asal mereka untuk melanjutkan pengajian. Faktor ekonomi yang dimaksudkan adalah merangkumi kekayaan relatif penduduk negara asal dan kadar pertumbuhan ekonomi di negara asal pelajar terlibat. Persaingan yang tinggi dalam sektor pekerjaan dan pendidikan telah menyebabkan pelajar membuat keputusan untuk keluar dari negara asal dan melanjutkan pengajian di luar negara. Faktor sosial pula adalah merujuk kepada keadaan sosial dalam negara yang menolak pelajar antarabangsa untuk keluar bagi melanjutkan pendidikan tinggi. Anggapan bahawa suasana dan sistem pendidikan tinggi di luar negara lebih baik daripada suasana serta sistem pendidikan tinggi tempatan turut mempengaruhi keputusan seseorang pelajar itu. Manakala

faktor penarikan bermaksud faktor yang mempunyai daya penarik dalam penilaian serta pembuatan keputusan seseorang pelajar itu untuk meneruskan pendidikan tinggi di negara asing.

Enam faktor penarikan yang dikenalpasti oleh Mazzarol dan Soutar (2002) iaitu, pengetahuan dan kesedaran, tahap rujukan, isu-isu berkaitan kos, persekitaran, kedudukan geografi dan jaringan sosial. Faktor penarikan pertama adalah tentang pengetahuan serta kesedaran yang wujud dalam kalangan pelajar antarabangsa atau dalam negara asal mereka terhadap keberadaan institusi pengajian tinggi di luar negara tersebut. Faktor kedua adalah tahap rujukan yang boleh didapati oleh pelajar antarabangsa. Ini termasuklah keluarga, saudara mara, kenalan sebelum pelajar antarabangsa membuat keputusan muktamad berkenaan keputusan meneruskan pengajian ke luar negara. Seterusnya adalah isu - isu kos yang terlibat sekiranya pelajar antarabangsa membuat keputusan akhir untuk ke luar negara. Isu - isu kos yang dikenalpasti oleh Mazzarol dan Soutar (2002) adalah kos pengajian di institusi pengajian tinggi luar negara, kos sara hidup di negara destinasi, kos perjalanan, kos kewangan dan juga kos sosial seperti kadar jenayah, keselamatan dalam negara, kewujudan komuniti antarabangsa lain di negara tersebut serta diskriminasi bangsa yang wujud.

Dalam faktor persekitaran pula, iklim kajian, iklim fizikal, gaya hidup, dan budaya negara destinasi menjadi pertimbangan dalam pembuatan keputusan pelajar antarabangsa. Kebanyakan pelajar antarabangsa tertarik dengan iklim, gaya hidup, dan budaya yang mempunyai persamaan dengan negara asal. Namun terdapat juga sebahagian besar pelajar antarabangsa yang lebih memilih untuk mempelajari budaya asing dan cara hidup yang berbeza dengan cara di negara asal mereka. Namun, faktor persekitaran ini memberi cabaran kepada institusi pengajian dan sektor pendidikan tinggi di negara destinasi khususnya untuk mewujudkan sebuah persekitaran antarabangsa yang sesuai dari segi akademik dan sebagainya. Faktor penarikan seterusnya adalah faktor kedudukan geografi di mana kedudukan negara asal yang hampir dengan negara destinasi memberikan satu kelebihan dalam pertimbangan yang boleh dibuat oleh pelajar antarabangsa. Faktor terakhir yang dikategorikan sebagai faktor penarikan adalah jaringan sosial yang dibentuk daripada hubungan sama ada dari ahli keluarga, saudara mara dan rakan yang berada di negara destinasi.

Mazzarol dan Soutar (2002) telah mengelaskan proses pembuatan keputusan oleh pelajar antarabangsa untuk memilih destinasi pengajian di luar negara kepada tiga fasa iaitu fasa pertama di mana pelajar membuat keputusan melanjutkan pelajaran ke luar negara. Semasa fasa ini berlaku, faktor penolakan memainkan peranan penting untuk mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa terlibat. Fasa kedua adalah di mana pelajar tertarik dengan ciri-ciri di negara destinasi pengajian luar negara yang menepati kehendak serta keperluan mereka. Faktor terlibat adalah faktor penarikan di mana negara destinasi mempunyai daya tarikan yang lebih. Fasa ketiga merupakan fasa di mana pelajar membuat pemilihan terakhir bagi negara destinasi dan institusi pengajian mereka

Metodologi

Untuk membolehkan kajian ini berjalan dengan lebih teratur dan lancar, suatu reka bentuk kajian diperlukan sebagai panduan dan perancangan bagi memastikan objektif kajian tidak terpesong daripada apa yang telah ditetapkan. Sarjana Chua Yan Piaw (2006) mengatakan bahawa sesuatu hasil kajian itu mestilah ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian yang

merujuk kepada tujuan kajian itu dilaksanakan. Perkara sama turut dinyatakan oleh Mohd Noah, (2002) iaitu, reka bentuk kajian adalah perancangan yang seterusnya menentukan cara data dikumpul serta dianalisis dan kemudiannya pengkaji perlu memperincikan reka bentuk penyelidikan tersebut untuk mencapai matlamatnya. Perincian ini adalah merujuk kepada persoalan yang berkaitan dengan tujuan kajian, tempat kajian, bilangan responden, teknik mendapatkan data dan tempoh kajian.

Kajian ini dijalankan secara deskriptif dan merujuk kepada kerangka teoritikal yang diberikan oleh sarjana Mazzarol dan Soutar (2002) iaitu berkaitan dengan faktor tolakan dan faktor tarikan yang mempengaruhi pemilihan destinasi pengajian oleh pelajar antarabangsa yang mana menjadi rujukan utama kepada pengkaji dalam melaksanakan kajian ini sehingga selesai. Menurut Simons (2009), penggunaan kajian kes berbentuk deskriptif ini dapat menerangkan sesuatu fenomena secara lebih terperinci berteraskan kepada suatu format penerangan yang mempunyai rasionalnya. Dengan menggunakan reka bentuk kajian kes, pengkaji berupaya menjawab persoalan dan perkara baharu yang belum diteroka serta memberi alasan terhadap sesuatu peristiwa yang terjadi. Kenyataan ini turut dipersetujui oleh sarjana Piaw (2006) yang menyatakan bahawa reka bentuk kajian kes mampu mengupas dan menjelaskan alasan terjadinya sesuatu fenomena serta meneroka perkara-perkara baharu.

Dalam kajian ini, tujuan utama pengkaji adalah untuk memahami secara mendalam terhadap faktor penyebab berlakunya sesuatu kejadian. Justeru, pengkaji telah memilih reka bentuk kajian kes. Definisi kajian kes adalah suatu pendekatan atau kaedah kajian yang membantu ekplorasi sesebuah kejadian dengan mengambil kira pelbagai aspek, sudut dan pandangan yang wujud (Baxter dan Jack, 2008). Maka dengan itu, maklumat, data dan isu yang ditemui dalam kajian tidak dilihat dari satu dimensi sahaja tetapi dalam pelbagai sudut yang boleh difahami dan diperjelaskan (Thomas, 2011). Menurut Thomas (2011) juga, bagi kajian kes, terdapat tiga kategori utama yang telah diklasifikasikan iaitu kajian kes jenis instrumental, kolektif dan intrinsik. Pengkaji memilih kajian kes jenis intrinsik untuk memudahkan pencarian data secara mendalam terhadap fokus utama kajian. Penggunaan reka bentuk kajian kes dapat memaparkan keadaan sebenar di mana responden melalui kehidupan sebenar (Patton, 1990; Normala, Mohamed dan Roslee, 2005).

Kaedah penyelidikan utama yang dipilih dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang melibatkan pendekatan temu bual dan data hasil daripada temubual tersebut disokong menggunakan analisis deskriptif melalui pendekatan soal selidik. kaedah penyelidikan kualitatif ini merujuk kepada kajian yang dijalankan menggunakan pemerhatian yang teliti. kaedah ini tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi memperoleh maklumat yang berkualiti dengan menfokuskan sampel yang kecil dalam satu kumpulan.

Dapatan Kajian

Hasil dapatan penyelidikan tentang faktor sosial yang mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa untuk menuntut di Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah seperti berikut:

Jadual 1

	Faktor penyebab pelajar antarabangsa ke UMS	kekerapan
Sosial	Bahasa	4
	Budaya Sabah	10
	Ahli akademik	2
	Testimoni pelajar dan alumni	4

Budaya di Sabah

Salah satu faktor penyebab bagi pelajar antarabangsa memilih UMS adalah disebabkan oleh budaya menarik yang dapat memberikan pengalaman berharga kepada pelajar antarabangsa di kampus mahu pun dalam kehidupan seharian sewaktu berada di Sabah. Negeri Sabah adalah terkenal dengan keunikan budaya masyarakat berbilang kaum dan agama. Bentuk muka bumi serta pemandangan persekitaran yang indah turut menyumbang sebagai daya penarik dan seterusnya menjadikan UMS universiti utama di negeri Sabah sebagai sebuah destinasi pengajian ideal.

“Saya tidak mempunyai idea mengenai Malaysia jadi saya tidak menjangkakan banyak hal tetapi saya sangat gembira apabila mengetahui orang Malaysia yang berbilang kaum di sini. Sebaik sahaja saya tiba di UMS, orang ramai menyambut saya dengan ramah dan mesra. Terima kasih kepada kakitangan di UMS, dia sangat membantu sejak hari pertama.” (Responden 3)

Menurut responden 3, idea tentang Malaysia diperolehi setelah responden tiba di negara ini dan berasa gembira atas sambutan yang diberikan oleh pihak universiti. Responden berpendapat bahawa masyarakat berbilang kaum di Malaysia adalah suatu tarikan yang besar dan mampu mempengaruhi persepsi seseorang individu terhadap kehidupan yang bakal dijalani sebagai pelajar di negara ini.

Testimoni pelajar dan Alumni

Testimoni pelajar dan alumni UMS mengenai pengalaman pembelajaran juga mempunyai kesan besar kepada responden. Maklumat ini seolah-olah sangat boleh dipercayai jika mereka datang dari latar belakang budaya yang sama dan negara asal.

“Melalui perkongsian yang diberikan oleh alumni dari negara saya ketika mengikuti konferens beberapa bulan lepas, saya mendapati bahawa kajiannya adalah sangat unik dan saya difahamkan bahawa program yang diikutinya adalah salah satu daripada niche area UMS.” (Responden 17)

Kredibiliti Ahli Akademik dan Latar Belakang Universiti

Pemilihan UMS sebagai destinasi pengajian di luar negara juga telah disebabkan oleh kredibiliti ahli akademik seperti pensyarah dan profesor serta latar belakang universiti yang berprestij. Responden 20 mengatakan bahawa hasil perbincangan dan pertukaran pandangan bersama tenaga pengajar di kolej serta rakan-rakan yang telah melanjutkan pelajaran ke luar negara, kebanyakan dari mereka telah mencadangkan bahawa UMS sebagai universiti yang bertepatan, dengan mengambil kira beberapa faktor seperti jarak, mata wang, sosial dan sebagainya.

“Saya memilih UMS selepas berunding dengan pensyarah serta rakan senior saya. Mereka telah mencadangkan untuk memilih UMS. Terdapat banyak faktor seperti jarak, kadar pertukaran wang, sosial, tetapi untuk UMS, mereka benar-benar mengesyorkan saya untuk persekitaran di sini dan juga mereka percaya kemudahan di sini adalah yang terbaik.” (Responden 20)

Kewibawaan dan kepakaran ahli akademik juga menjadi salah satu faktor yang mampu memangkin keputusan seseorang individu untuk meneruskan pendidikan di peringkat lebih tinggi. Perkara ini telah dibuktikan oleh Responden 20 yang menjadikan profesornya sebagai *role model* dan akhirnya membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran di universiti di mana profesornya sedang berkhidmat.

Bahasa

Faktor bahasa yang dimaksudkan adalah bahasa dalam pengajaran atau bahasa tempatan yang digunakan di negara tersebut. Bahasa pengajaran dan pembelajaran juga merupakan faktor utama mempengaruhi keputusan untuk memilih program dan destinasi pengajian. Kebanyakan daripada pelajar memperlihatkan kecenderungan untuk memilih negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa wajib. Walau bagaimanapun, minat serta keinginan pelajar untuk mempelajari bahasa tempatan boleh dipertingkatkan dengan bantuan masyarakat tempatan dan juga pihak universiti yang menjadikan penguasaan bahasa tempatan sebagai satu pilihan kepada pelajar dari negara luar. Bagi responden 10, selain mempelajari tentang budaya dan tradisi di negara destinasi bahasa turut menjadi salah satu faktor tarikan yang dikenali dan pelajar menganggap bahawa mempelajari bahasa asing adalah cabaran kepada diri sendiri.

"Selain belajar tentang budaya, tradisi, gaya hidup dan semua itu, saya sangat tertarik dengan bahasa dari seluruh dunia. Jadi.. selain daripada menamatkan pengajian saya, ya, saya fikir ini adalah peluang untuk saya belajar bahasa baru. Saya mungkin fasih atau tidak fasih, jadi ini adalah cabaran kepada diri saya sendiri." (Responden 10).

Kesimpulan

Tujuan khusus bagi kertas kerja ini adalah untuk memahami dan mengenalpasti faktor - faktor sosial mempunyai efek dalam pembuatan keputusan untuk belajar di UMS. Antara faktor sosial yang dapat disimpulkan oleh penyelidik adalah, bahasa, budaya di Sabah, dorongan ahli akademik dan testimoni daripada alumni atau rakan-rakan senior. Oleh yang demikian, UMS serta institusi pengajian tinggi lain perlu mengaplikasikan maklumat yang diperolehi dalam merangka strategi peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa. Mungkin sahaja UMS boleh menggunakan keistimewaan negeri Sabah sebagai destinasi pelancongan untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran di negeri ini. Semoga Melalui kajian dan cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini dapat mendatangkan mabfaat kepada pelbagai pihak khususnya Universiti Malaysia Sabah dan amnya Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Rujukan

- Bodycott, P. (2009). Choosing a Higher Education Study Abroad Destination – What Mainland Chinese Parents and Students Rates as Important. *Journal of Research in International Education*, Vol. 8(3), 349-373.
- Bourke, A. (2000). A Model of the Determinants of International Trade in Higher Education. *The Service Industries Journal*, 20 (1) 110-138.
- Broman, F. (2000). Overseas Teaching Jobs Increase Substantially. *The International Educator's Institute*, Cummaquid, MA.

- Cubillo, J.M., Sánchez, J., and Cerviño, J (2006) International Students' Decision-Making Process. *International Journal of Educational Management*, Vol. 20(2), 101-115. 49
- Douglas W. N, Jennifer P.B, Carolyn B. M (2008). Factors Influencing Study Abroad Decisions Among College of Business Students. *International Business: Research Teaching and Practice* 2008 2(1)
- Guibourg, C. (2011). New Fees Prompt Fears of Cuts At Swedish Universities. *The Local – Sweden's News in English*. <http://www.thelocal.se/20110822/35690> [Diakses pada 4 Januari 2017]
- Gardner, D. & Witherell, S. (2005) Open Doors 2005: U.S. students studying abroad: U.S. study abroad increases by 9.6%, continues record growth. *Institute of International Education, Open Doors Report*, (Nov. 14)
- Herlina J., Irma wani O, Muhammad Safuan Y., Hasbullah A. (2016) Faktor Mempengaruhi Keputusan Pelajar Antarabangdalam Pemilihan Destinasi Pengajian Luar Negara *International Conference on Social and Economic Development*
- Judith Eder, Wayne W. Smith, Robert E.Pitts (2010). Exploring Factors Influencing Student Study Abroad Destination Choice. *Journal of Teaching in Travel and Tourism* 10(3):232-250
- Khawaja, Nigar G, Stallman, Helen (2011). Understanding the coping strategies of international students : a qualitative approach. *Australian Journal of Guidance and Counselling*, 21(2), pp. 203-224.
- Kwok Tong Soo, Caroline Elliott (2008). Price Doesn't Matter: Overseas students in UK Higher Education. *The Department of Economics. (Economics Working Paper Series)*
- Li YR and Kaye M (1998). Understanding overseas students' concerns and problems. *Journal of Higher Education Policy and Management* 20(1): 41–50
- Maringe, F. (2006). University and Course Choice: Implications for Positioning, Recruitment and Marketing. *International Journal of Educational Management*, Vol. 20(6), 466-479.
- Mazzarol, T., & Soutar, G. (2002). Push, pull factors influencing international students destination choice. *International Journal of Educational Management*, 16(2), 82–90.)
- Muhammad Safuan Y., Irma Wani O., Norazah M. S, Rudy Adie R. (2015). Kerjaya dan Ekonomi Sebagai Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 9, 2015, pp. 36-47 [Diakses pada 31 Desember 2016]
- Landes, D. 2008. Paper Study College Fee for Non-Europeans. *The Local - Sweden's News in English*. <http://www.thelocal.se/12702/20080627/>
- Luca Petruzzellis, Salvatore Romanazzi (2010). Education Value: How Students Choose University: Evidence from and Italian University
- Parafianowicz, L. (2009). Foreign Student Fees Delayed Until 2011. *The Local - Sweden's News In English*. <http://www.thelocal.se/19410/20090512/>
- Pimpa, N. 2003. The Influence of Family on Thai Students' Choices Of International Education. *International Journal of Educational Management*, Vol. 17(5), 211-219.
- Price, Fides Matzdorf, Louise Smith, Helen Agahi, (2003) The impact of facilities on student choice of university, *Facilities*, Vol. 21 Issue: 10, pp. 212-222,
- Poyrazlı S and Lopez MD (2007) An exploratory study of perceived discrimination and homesickness: A comparison of international students and American students. *The Journal of Psychology* 141(3):263–280.
- Shanka, T., Quintal, V., and Taylor, R. 2005. Factors Influencing International Students' Choice of an Education Destination- A Correspondence Analysis, *Journal of Marketing for Higher students- Education*, 15(2), 31-46.

Sherry M, Thomas P and Chui WH (2010) International students: A vulnerable student population. *Higher Education* 60(1): 33–46.

Tharenou, P. 2010. Identity and Global Mobility. *The Psychology of Global Mobility*. 105-123.